

UMP perkenal iLead lahir graduan berdaya saing

KUANTAN 24 Ogos - Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjadi universiti pertama di negara ini memperkenalkan program pengukuhan kemahiran insaniah (iLead) bagi melahirkan graduan yang kompeten dan berdaya saing.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, iLead dilaksanakan secara berstruktur sebelum menamatkan pengajian dengan setiap mahasiswa dinilai dari pelbagai aspek seperti kemahiran berkomunikasi, keusahawanan, etika dan nilai tambahan lain berbanding sistem penilaian terdahulu yang berdasarkan markah akademik serta kokurikulum.

"Kaedah iLead adalah sebahagian daripada memantapkan kemahiran insaniah penuntut menerusi pengukuran yang baharu iaitu Purata Nilai Gred Keseluruhan Berintegrasi (iCGPA) yang diumumkan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh pada 15 Mac lalu.

"UMP menyambut baik hasrat kementerian dengan menjadi satu daripada universiti perintis yang melaksanakan iCGPA bagi menyediakan satu kaedah baharu pelaporan pencapaian mahasiswa.

"Ia bukan hanya bertumpu



Ia bukan hanya bertumpu kepada pencapaian gred akademik tetapi berasaskan keupayaan penuntut mengikut pencapaian kognitif, kemahiran psikomotor atau kerja tangan serta kemahiran insaniah."

DAING NASIR IBRAHIM
Naib Canselor UMP

kepada pencapaian gred akademik tetapi berasaskan keupayaan penuntut mengikut pencapaian kognitif, kemahiran psikomotor atau kerja tangan serta kemahiran insaniah," katanya ketika berucap merasmikan iLead di UMP kampus Pekan, dekat sini semalam.

Yang hadir sama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMP, Prof. Dr. Mashitah Mohd. Yusof; Pengarah Pusat Daya Saing dan Inovasi (CAIC) universiti itu, Dr. Mohd. Ruslim Mohamed dan Dekan Pusat Ba-

hasa Moden dan Sains Kemanusiaan UMP, Prof. Madya Dr. Muhammad Nubli Abdul Wahab.

Daing Nasir menghargai komitmen Jawatankuasa Teknikal iCGPA UMP dan semua penyarah terlibat yang bekerja keras bagi memastikan graduan universiti berkenaan berkualiti dan memenuhi kehendak industri.

Menurut beliau, kejayaan pelaksanaan program pengukuhan kemahiran insaniah berkenaan merupakan satu penanda aras yang penting ke arah mencorak pendidikan tinggi negara dalam usaha melahirkan graduan berkualiti.

"UMP turut berbangga apabila program ini dapat dibangunkan. Menariknya, pada asalnya kementerian hanya melibatkan program Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) dengan kepujian dari Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian.

"Namun UMP berjaya melaksanakannya untuk semua 34 program akademik di peringkat prasiswazah tanpa mengira latar belakang program, sama ada dalam bidang kejuruteraan, teknologi kejuruteraan atau sains dan teknologi," katanya.



DAING NASIR IBRAHIM (tiga dari kanan) bersama ketua-ketua yang memperkenalkan program pengukuhan kemahiran insaniah (iLead) bagi melahirkan graduan kompeten dan berdaya saing di UMP kampus Pekan, Pahang, kelmarin.